

Utusan Malaysia / Sabtu 23.6.07 / Pg 13

UTUSAN MALAYSIA SABTU 23 JUN 2007



SISIPAN KHAS
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

MUKA
13
GEN•U

SELAMAT

DATANG

UMP hidupkan Gambang

Oleh SHAMSIAH ZULKAFLI

SELARAS dengan penubuhannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menjurus kepada bidang kejuruteraan dan bioteknologi, kewujudan Universiti Malaysia Pahang (UMP) ternyata memberikan impak positif kepada persekitaran kampus tersebut.

Bermula sebagai Universiti Teknologi Malaysia Kampus Cawangan Pahang (UTM-KCP) pada 1998, UMP yang diperbadankan sebagai universiti pada Februari 2007, kini boleh dianggap sebagai kata-lis atau pemangkin kepada pembangunan kawasan Gambang yang menjadi salah satu pintu masuk ke bandar Kuantan.

Pada awal tahun 2000 Gambang mungkin dilihat sebagai sebuah kawasan luas yang tidak mempunyai potensi untuk dimajukan. Tiga tahun selepas itu, pelbagai masalah sering di alami penduduk yang tinggal di sekitar Gambang, antaranya masalah bekalan air.

Namun dengan kehadiran UMP, Gambang telah bertukar wajah. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi pembangunan yang giat dijalankan di kawasan ini termasuk pembinaan kawasan perumahan, kawasan industri dan sebagainya. Masalah bekalan air juga dijangka selesai

menjelang hujung tahun ini.

Sebagai negeri perintis kepada sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di Pantai Timur, Pahang telah bersedia menjadi pintu masuk untuk industri tersebut apabila bandar Kuantan bakal mendapat status Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) apabila pusat komersial pertama di negeri ini, Putra Square dijangka siap sepenuhnya pada Julai ini.

Ini diikuti Tanjung Lumpur sebagai kawasan MSC kedua yang bakal menjadi hab pendidikan, serta Gambang yang akan dimajukan sebagai hab ICT, penyelidikan dan pembangunan (R&D) bioteknologi.

Di samping status MSC, penubuhan UMP juga dilihat berjaya membuka mata kerajaan negeri untuk memilih Gambang sebagai kawasan yang akan dimajukan sebagai Pusat Bioteknologi Pantai Timur yang akan menjadi pusat ICT pertama negeri yang juga menempatkan hab halal.

Peranan UMP dalam pembangunan kawasan Gambang yang bakal bergelar bandar MSC tidak boleh disangkal lagi apabila institusi pengajian tinggi itu menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan industri ICT dan bidang bioteknologi.

Tanpa kehadiran UMP, tidak mungkin Gambang dipilih sebagai salah satu kawasan berteknologi tinggi di Pahang.

Satu daripada pembangunan ketara yang dapat dilihat daripada kewujudan UMP ialah permintaan yang tinggi terhadap sektor hartanah di Gambang. Perkara ini dapat dilihat dengan

Satu daripada pembangunan ketara yang dapat dilihat daripada kewujudan UMP ialah permintaan yang tinggi terhadap sektor hartanah di Gambang. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas apabila banyak kawasan perumahan dibina bagi memenuhi kehendak masyarakat yang mula melihat Gambang sesuai dijadikan kawasan penempatan.

jelas apabila banyak kawasan perumahan dibina bagi memenuhi kehendak masyarakat yang mula melihat Gambang sesuai dijadikan kawasan penempatan.

Kemudahan asas lain seperti sekolah, deretan kedai serta pelbagai kemudahan awam yang dibina menandakan Gambang akan berkembang seiring dengan bandar Kuantan dan akan muncul sebagai sebuah bandar yang memberikan pulangan lumayan kepada Pahang.

Pembinaan kawasan perumahan itu, secara tidak langsung akan menarik minat pelabur-pelabur untuk membuka perniagaan mereka di kawasan tersebut. Ia sekaligus akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, Gambang juga akan menjadi pintu masuk bagi para pelabur untuk melabur di kawasan Pantai Timur lalu menjadikan Kuantan, Terengganu dan Kelantan sebagai kawasan perindustrian berdaya maju dan akan membantu membangunkan ekonomi Pantai Timur.

Idea UMP untuk menubuhkan Taman Komersial dalam kampus juga banyak membantu industri kecil dan sederhana dalam memajukan perniagaan mereka. Kerjasama yang dijalin di antara dua pihak itu membolehkan industri mendapat kepakaran dan peralatan daripada pihak universiti untuk menjalankan penyelidikan, manakala pelajar pula akan mendapat pendedahan awal kepada industri.

Antara syarikat yang telah dan sedang bekerjasama dengan UMP dalam bidang penyelidikan dan pengkomersi-

lan adalah Nilam Herbal Industries (NHI), Eastworld Multimedia Sdn. Bhd. dan Panji Bitara Sdn. Bhd.

Terdapat juga IPTA lain yang bekerjasama dengan UMP dalam bidang penyelidikan seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Selain itu, kedudukan strategik Gambang yang terletak di daerah Kuantan dan merupakan salah satu pintu masuk ke negeri Pahang melalui Lebuhraya Pantai Timur (LPT) turut menyumbang kepada kemajuan kawasan tersebut.

Kewujudan UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi di Gambang juga sangat bertepatan seiring dengan penguasaan kerajaan negeri untuk menjadikan Gambang sebagai Pusat Bioteknologi Pantai Timur.

Umumnya, UMP berperanan dalam menawarkan kepakaran di dalam bidang bioteknologi khususnya dalam bidang bioteknologi industri untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Dengan pakar-pakar bioteknologi yang ada, para usahawan juga mendapat manfaat daripada bioteknologi yang dapat diaplikasikan dalam perniagaan mereka.

Secara tidak langsung, kewujudan UMP yang telah menjadi penggerak kepada kemajuan persekitarannya telah meningkatkan taraf hidup masyarakat di sekitar Gambang. Pelbagai kegiatan terutamanya perniagaan dan keusahawanan mula berkembang dan tidak mustahil satu hari nanti nilai hartanah di Gambang akan melonjak tinggi.

